



SALIM SHAARI | BERITA HARIAN

## Warga kota buat persiapan Aidilfitri

*Orang ramai mengambil peluang cuti hujung minggu untuk membelah-belah sempena persiapan menjelang Aidilfitri tidak lama lagi, di kompleks beli-belah Sogo, di Kuala Lumpur, semalam. Tawaran dan potongan harga yang menarik juga membuatkan pengunjung tidak melepaskan peluang untuk berbelanja.*

# USM perlu bajet RM830j

## Pelan transformasi Apex tumpu pembangunan modal insan

Oleh Syuhada Choo Abdullah  
choo@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Universiti Sains Malaysia (USM) memerlukan peruntukan RM830 juta untuk melaksanakan pelan transformasi bagi tempoh lima tahun di bawah Program Pemacu Untuk Kecemerlangan (Apex) dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

Naib Canselornya, Tan Sri Prof Dzulkifli Abdul Razak, berkata keutamaan bajet untuk tempoh 2009 hingga 2013 itu akan bertumpu kepada agenda pembangunan modal insan ke arah melonjakkan kecemerlangan USM pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, jumlah itu

adalah sebahagian daripada peruntukan RM3.95 bilion yang digariskan bajet USM sebagai universiti penyelidikan (RU) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan RMK-10.

"Keutamaan bajet RM830 juta untuk pelan transformasi ini ialah melaksanakan pembangunan modal insan yang akan menggerakkan universiti, sekali gus memainkan peranan utama menentukan kejayaan mencapai matlamat program Apex.

"Antara usaha itu ialah melaksanakan program latihan kakitangan akademik serta pentadbiran, khususnya agenda meningkatkan kepakaran dan penguasaan pensyarah pada peringkat pas-

cadoktoral dalam bidang terkini meliputi kedua-dua bidang kebitaraan USM dan juga bidang baru seperti biologi kimia, sains otak dan juga sains kognitif.

"Dalam konteks ini, USM tidak terdesak meningkatkan bilangan pensyarah memiliki kelayakan doktor falsafah (PhD) kerana sudah mencapai 75 peratus (daripada kakitangan akademik),

iaitu melebihi sasaran Kementerian Pengajian Tinggi.

"Selain itu, USM akan menggaji profesor berkepakaran dan terkemuka bertaraf dunia dari luar negara, bukan saja untuk berkhidmat dalam akademik, tetapi berperanan melatih pensyarah universiti ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, baru-baru ini mengumumkan USM sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) yang terpilih merintis program Apex selepas mengatasi saingan lain berdasarkan tiga kriteria, iaitu tahap kesediaan, pelan transformasi serta kesediaan untuk berubah.

### FAKTA NOMBOR

**RM3.95**  
**bilion**

Peruntukan digariskan bajet USM sebagai universiti penyelidikan